



IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SEmenanjung MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA BERHUBUNG TEMPOH PERALIHAN DI BAWAH SEKSYEN 23 AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 BIL. 1 / 2018

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Agensi Pekerjaan Swasta yang berlesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] bahawa Akta 246 telah dipinda dan akan dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2018.

- 1.2 Arahan ini juga bertujuan untuk memaklumkan semua agensi yang sedang beroperasi berhubung tindakan-tindakan yang perlu dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta 246 (tempoh peralihan).

2.0 TINDAKAN-TINDAKAN YANG PERLU DILAKSANAKAN

Semua agensi yang telah berlesen dengan JTKSM dan berhasrat untuk menjalankan atau meluaskan aktiviti, hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:

2.1 Memastikan lesen sedia ada masih sahlaku

Semua agensi perlu memastikan lesen untuk beroperasi masih sahlaku pada 1 Februari 2018.

2.2 Mengenalpasti kategori permohonan lesen

Di bawah Akta 246 yang baharu, lesen telah dikategorikan kepada tiga jenis iaitu Lesen A, Lesen B dan Lesen C dengan butiran seperti dinyatakan dalam Jadual berikut:

JADUAL

| Kategori Lesen | Modal berbayar (RM) | Wang Jaminan (RM) | Wang jaminan untuk menubuhkan cawangan baru (RM) | Borang Permohonan |
|---|---------------------|-------------------|--|--|
| Lesen A- Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia | RM50,000 | RM5,000 | RM5,000 | <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Baharu- Borang 1 • Permohonan penubuhan cawangan- Borang 3 |
| Lesen B- Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia | RM100,000 | RM100,000 | RM30,000 | <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Baharu- Borang 1 • Permohonan penubuhan cawangan- Borang 3 |
| Lesen C- Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia | RM250,000 | RM250,000 | RM100,000 | <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Baharu- Borang 1 • Permohonan penubuhan cawangan- Borang 3 |

2.3 Mematuhi Semua Syarat yang Ditetapkan di bawah Seksyen 9, Akta 246

2.3.1 Seksyen 9 – Pematuhan syarat yang dikenakan bagi permohonan lesen

(1) Ketua Pengarah boleh meluluskan suatu permohonan lesen yang dibuat menurut seksyen 8 jika pemohon mematuhi syarat yang berikut:

- (a) Pemohon ialah sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;
 - (i) dengan modal berbayar minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan
 - (ii) kekurang-kurangnya lima puluh satu peratus daripada jumlah keseluruhan syer syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia;
- (b) pengarah syarikat, yang dinamakan dalam borang permohonan yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agensi pekerjaan swasta-
 - (i) ialah seorang warganegara Malaysia;
 - (ii) bukan seorang bankrup yang belum dilepaskan; dan
 - (iii) tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa;
- (c) pemohon mempunyai premis yang sesuai untuk menjalankan aktiviti merekrut sebagaimaan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (d) pemohon hendaklah mempunyai nama syarikat yang didahului dengan perkataan "Agensi Pekerjaan".

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah boleh mengenakan apa-apa syarat lain sebagaimaan yang difikirkan perlu.”.

2.3.2 Selain seksyen 9 Akta 246, agensi hendaklah memenuhi syarat berikut:-

Pemohon hendaklah bukan perniagaan milikan tunggal atau perkongsian.

2.4 Tempoh mengemukakan permohonan lesen baharu dan permohonan pembaharuan lesen

2.4.1 Semua agensi hendaklah mengemukakan permohonan lesen baharu mengikut Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 dalam tempoh 6 bulan daripada 1 Februari 2018.

2.4.2 Bagi agensi yang lesennya tamat tempoh dalam masa dua bulan daripada 1 Februari 2018 dan masih berminat meneruskan aktiviti merekrut hendaklah mengemukakan permohonan lesen baharu mengikut Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017.

2.4.3 Bagi agensi yang memperbaharui lesen sebelum berkuatkuasanya Akta yang baru bolehlah beroperasi sehingga tamat tempoh lesen tersebut atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

2.5 Penggunaan Nama syarikat hendaklah didahului dengan perkataan "Agensi Pekerjaan"

Seksyen 9 Akta 246 menetapkan salah satu syarat menjalankan aktiviti agensi adalah nama agensi perlu didahului dengan perkataan "Agensi Pekerjaan".

Tiada sebarang pengecualian boleh diberikan oleh Ketua Pengarah untuk tidak menggunakan perkataan "Agensi Pekerjaan".

3.0 TUNTUTAN BON TUNAI

Agensi yang telah tamat tempoh lesen atau lesennya telah dibatalkan hendaklah menuntut bon tunai di bawah Akta sedia ada dengan mematuhi prosedur tuntutan semula bon tunai sebagaimana dinyatakan di dalam Arahan Ketua Pengarah Bil. 2/2012.

4.0 MAKLUMAT LANJUT

Maklumat lanjut berhubung Arahan Ketua Pengarah Bil.1/2018 boleh diakses atau dilayari melalui laman web itksm.mohr.gov.my

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini adalah berkuat kuasa serta merta.

(DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM)
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Tarikh : 25 JANUARI 2018